

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' MOHD FASIAH B. MOHD FAKEH
(SABAK BERNAM)**

TARIKH : 6 NOVEMBER 2019

SOALAN

DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [SABAK BERNAM] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes penipuan atas talian yang melibatkan simpanan persendirian orang ramai di bank-bank Malaysia bagi tempoh 2019 dan nyatakan jumlahnya serta apakah langkah Kerajaan dan institusi perbankan bagi mengatasi jenayah ini supaya tidak berterusan dan merugikan penyimpan-penyimpan di bank-bank negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang diPertua,

Izinkan saya menjawab soalan ini secara bersekali dengan satu soalan lain yang turut membincangkan isu sama iaitu berkenaan dengan penipuan atau telecommunication fraud atau Macau scam oleh Yang Berhormat Tanah Merah bertarikh 27 November 2019.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri memandang serius berhubung keskes yang melibatkan jenayah penipuan atas talian yang meliputi pelbagai kategori seperti penipuan melalui telefon dan Internet, love scam, pinjaman tidak wujud dan juga Macau scam. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kes penipuan atas talian yang dilaporkan di seluruh negara bagi tahun 2018 adalah sebanyak 4,956 kes dengan melibatkan jumlah kerugian sebanyak RM224,653,895.18.

Manakala bagi tempoh Januari hingga Ogos 2019, sebanyak 3,533 kes direkodkan dengan jumlah kerugian sebanyak RM186,027,122.72. Daripada jumlah kerugian yang dilaporkan bagi tahun 2019 tersebut, sebanyak RM79,483,843.43 kerugian adalah melibatkan Macau scam sahaja dengan 1,612 kes telah dilaporkan.

Bagi mengekang jenayah penipuan atas talian ini daripada terus berleluasa, pelbagai usaha telah dijalankan oleh PDRM dalam mengekang sindiket penipuan seperti ini termasuklah dengan meningkatkan penguatkuasaan undang-undang, pengoperasian, tangkapan dan seterusnya menjalankan pendakwaan ke atas mereka yang terlibat dalam penipuan ini.

PDRM juga sering mengadakan taklimat, ceramah dan dialog kepada kakitangan kerajaan, syarikat-syarikat swasta, persatuan-persatuan, sekolah, universiti dan NGO mengenai modus operandi sindiket jenayah penipuan ini termasuk jugalah kadang-kadang Tuan Yang diPertua, PDRM ada menganjurkan pameran-pameran di kompleks-kompleks membeli-belah. Ini di antara usaha-usaha kita untuk memberikan pendidikan ataupun penerangan kepada orang awam agar jangan mudah terpedaya dengan sindiket dan penipuan ini.

SOALAN NO : 5

Selain itu juga Tuan Yang di-Pertua, kempen kesedaran juga dibuat melalui pameran-pameran di kompleks-kompleks yang telah saya sebutkan tadi. Pihak PDRM juga telah membangunkan satu portal untuk memudahkan masyarakat untuk menyemak nombor-nombor telefon sindiket dan akaun-akaun bank yang digunakan oleh sindiket dalam urusan pindahan wang mangsa ke akaun sindiket yang boleh disemak melalui portal yang disediakan <http://ccid.rmp.gov.my/semakmule>.

Selain itu, satu akaun Facebook Cyber Crime Alert Royal Malaysia Police juga telah diwujudkan bagi berkongsi dan memberi amaran kepada orang ramai mengenai ancaman penipuan ataupun jenayah siber. Ini dapat membantu orang awam dengan membuat semakan awal dan mengelak daripada menjadi mangsa penipuan.

PDRM juga telah menubuhkan satu taskforce yang dinamakan internet banking task force group yang terdiri daripada PDRM, syarikat-syarikat telekomunikasi serta institusi-institusi bank tempatan. Pada bulan Mac 2019, sebuah Jawatankuasa Teknikal Jenayah Siber yang terdiri daripada PDRM dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia juga telah ditubuhkan bagi membanteras jenayah penipuan ini.

Sekian, terima kasih.